

Syor hujah Najib, Anwar jadi kerangka dasar

Kuala Lumpur: Presiden UMNO, Datuk Seri Ahmad Zahid Hamidi, menyor hujah Datuk Seri Najib Razak dan Datuk Seri Anwar Ibrahim ketika menyertai debat perdana malam tadi, dijadikan kerangka kepada dasar negara.

Beliau mendakwa, kombinasi idea kedua-dua pemimpin terabit mampu menamatkan segala persoalan yang menghantui rakyat.

“Saya lihat, jika kombinasi idea antara kedua-dua tokoh ini dapat diterjemahkan sebagai sebuah pembentukan idea dan juga kerangka yang menjadi dasar negara.

“Saya fikir tidak akan timbul lagi menenai soal yang menghantui pemikiran rakyat pada masa hadapan,” katanya mengulas Program Debat Perdana berlangsung di Pusat Pelancongan Malaysia (MATIC), kelmarin.

Beliau menyifatkan, debat itu menjadi proses kepada kematangan politik dan wacana seumpama itu perlu dilakukan lebih kerap membabitkan tokoh politik yang lain.

“Tentunya wacana intelektual harus diadakan dengan lebih ke-

rap supaya kita bukan hanya mahu merungkaikan permasalahan sesuatu kumpulan dan lebih penting supaya rakyat diberikan kefahaman,” katanya.

Debat antara Najib dan Anwar menyentuh dua perkara utama iaitu usaha menyelamatkan syarikat servis minyak dan gas, Sapura Energy Bhd serta isu masa depan Malaysia merangkumi aspek ekonomi, politik, urus tadbir serta hala tuju negara.

Sementara itu, Setiausaha Agong DAP, Anthony Loke, menyifatkan Anwar berdebat dengan lebih baik dan berjaya mematahkan hujah pihak lawan dengan cekap.

Katanya, Najib berusaha meyakinkan orang ramai bahawa perlu menyelamatkan syarikat Sapura Energy kerana dilihat sebagai syarikat strategik dan membabitkan kepentingan banyak pihak.

“Anwar pula menegaskan perlunya akauntabiliti dan keber-

tanggungjawaban pihak penguurusan korporat terhadap kegagalan raeraka dan kerajaan tidak seharusnya ‘bailout’ (menyelamatkan) mana-mana syarikat dengan sewenang-wenangnya,” katanya.

Beliau berkata, apabila Najib menggunakan analogi ‘memperbesar-kan ekonomi’ sebagai mantra pengurusan ekonominya, Anwar mempersoalkan siapa yang dapat bahagian kek yang lebih besar.

“Bagi saya, hujahan balas ini adalah ‘highlight’ atau titik tumpu dalam debat malam ini,”

“Dalam usaha Najib mempertahankan kenyataannya ‘Cash is King’, beliau cuba putar belit kononnya ‘king’ yang dimaksudkan ialah rakyat

“Saya tak faham logik ini dan Anwar pula dengan berani menyatakan bahawa ‘cash is king’ ini akan menjadikan masyarakat kita mempunyai ‘depen-

dency syndrome’ yang mana golongan miskin akan sentiasa bergantung kepada golongan elit politik untuk bantuan dan terasa terhutang budi kepada mereka tanpa satu pendekatan jangka panjang memerdekakan mereka daripada masalah kemiskinan.

“Budaya debat ini memang satu usaha yang baik dan harus digalakkan dalam kalangan pemimpin politik dan diperbanyakkan terutama semasa kempen PRU 15 yang akan datang.

“Kita perlu berusaha menyuburkan proses demokrasi di negara kita dan menggalakkan pemikiran kritis di kalangan rakyat Malaysia,” katanya.

Dalam reaksi yang lain, Naib Presiden UMNO, Datuk Seri Mohamad Khaled Nordin, mendakwa jelas sekali hujah Najib lebih baik bukan saja dari segi aksi yang tenang tetapi hujah dan fakta yang kukuh ditambah visi yang jelas.

“Anwar pula silapnya terbahawa sebagai pembangkang dalam debat kali ini. Gagal menangkap imaginasi penonton,” katanya.

Ahli Majlis Kerja Tertinggi

UMNO, Datuk Dr Mohd Puad Zarkashi, mendakwa debat semalam mendedahkan, Anwar bukan material sebagai perdana menteri.

Katanya, Anwar tidak ada penyelesaian terhadap isu yang dibangkitkan, sebaliknya hanya retorik.

“Memang Anwar retorik. Dia semakin jauh daripada jawatan Perdana Menteri. Itu sebab Rafizi (Ramli) bertanding jawatan Timbalan Presiden. Dia beri signal, selagi ada Anwar, selagi itu PKR semakin ditolak rakyat,” katanya.

Veteran UMNO, Tan Sri Shahrir Samad, pula berkata debat kedua pemimpin itu tidak mengubah persepsinya terhadap Najib.

Katanya, Najib sarat dengan fakta sepertimana kehadirannya di media sosial dan berani membuat cadangan walaupun biasa diperlekehkan, termasuk di Dewan Rakyat.

“Begitu juga persepsi saya terhadap Anwar. Gayanya dan isi ucapannya adalah seperti mana saya ingati beliau. Sedap dide-ngar tapi kepuasan hanya buat sementara,” katanya.



Ahmad Zahid Hamidi